

## **Kesediaan Mahathir, Fadzil beri syarahan petanda politik matang**

KUALA LUMPUR, Selasa – Kesediaan Perdana Menteri yang juga Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor memberi syarahan di atas pentas yang sama dalam satu syarahan Perdana esok dilihat sebagai satu tanda kematangan politik yang membawa kesatuan ummah.

Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), menyambut baik kesediaan kedua pemimpin politik yang berbeza ideologi perjuangan itu mengenyahkan kepentingan politik masing-masing bagi membincangkan isu berhubung nasib rakyat Palestin.

Setiausaha Agungnya, Khairul Arifin Mohd Munir dalam satu kenyataan yang dikeluarkan di sini, hari ini, berkata usaha kedua pemimpin itu menunjukkan kepada masyarakat mengenai ketelusan pemimpin berkenaan sama-sama membincangkan masa depan keseluruhan umat Islam.

“Justeru ia akan memberi kesedaran dan mencorakkan pemikiran serta minda rakyat agar lebih terbuka dan matang dalam politik supaya sama-sama bersatu dalam persoalan yang membabitkan kesatuan dan kepentingan umat Islam,” katanya.